



SEBAHAGIAN besar bandar raya Johor Bahru yang masih ditenggelami banjir semalam.

Melaka dan Negeri Sembilan turut terima tempias

Banjir bertambah buruk

Oleh NASRI JAMALUDIN, NADZARUL AMIR
ZAINAL AZAM dan SHAMSHUL FITRI MAJID
berita@kosmo.com.my

JOHOR BAHRU – Banjir yang melanda negeri Johor bertambah buruk semalam dengan tiga daerah yang paling teruk ialah Johor Bahru, Kluang dan Muar.

Memburukkan keadaan banjir turut me-rebak ke sebahagian Melaka dan Negeri Sembilan manakala sebuah jambatan runtuh di Pahang.

Di Johor, hampir keseluruhan Kampung Pulau, Gelang Patah ditenggelami air sedalam lebih satu meter semalam.

Air yang naik secara mendadak menyebabkan kerja-kerja pemindahan mangsa dilakukan segera oleh penduduk kampung tanpa bantuan daripada pihak yang bertanggungjawab.

Di Kota Tinggi pula, aktiviti penduduk dilaporkan lumpuh sama sekali apabila air mencecah kira-kira dua meter.

Sehingga pukul 12 tengah hari semalam, Bilik Gerakan Banjir Daerah Kota Tinggi mencatatkan sebanyak 732 mangsa telah dipindahkan tetapi ramai lagi dipercayai masih terperangkap.

Sehingga 8 malam semalam semalam, bilangan penduduk Johor yang dipindahkan juga meningkat daripada 10,000 orang kelmarin kepada 22,751 orang yang ditempatkan di 165 pusat pemindahan sementara di setiap daerah dan kawasan yang terlibat.

Menurut Bilik Gerakan Banjir di sini, pemindahan tersebut melibatkan 4,925 keluarga dari 126 kampung di seluruh negeri ini.

Di daerah Muar, seramai 5,362 penduduk dipindahkan membabitkan 1,603 keluarga dari 10 buah mukim.

Lebih membimbangkan, paras dua batang sungai di situ melebihi tahap bahaya iaitu Sungai Muar-Bukit Kepong (3.2 meter) dan Sungai Muar-Lenga (2.82 meter) malah di Rumah Pam Teluk Rimba mencatat paras bahaya 3.21 meter.

Di Kluang, sebuah bot yang membawa 10 penduduk yang sedang dipindahkan terbalik akibat arus deras di Sungai Mengkibol, bagaimanapun semua penumpang selamat.

Daerah itu mencatatkan perpindahan penduduk tertinggi seramai 6,668 orang dari 24 buah kampung sehingga pukul 8 malam.



SEBUAH jambatan di Sungai Pekin dekat Felda Selancar, Rompin runtuh akibat arus deras ekoran hujan lebat semalam.

Di Johor Bahru, jumlah pemindahan tertinggi turut meningkat kepada 6,088 orang mangsa melibatkan 17 buah kampung.

Daerah-daerah lain jumlah pemindahan masing-masing ialah Segamat (1,557), Batu Pahat (903), Kota Tinggi (863), Tangkak (419), Pontian (656) dan Mersing (235).

Di Melaka, banjir dilaporkan melanda Alor Gajah, Jasin dan Melaka Tengah menyebabkan seramai 2,027 orang daripada 432 keluarga terpaksa dipindahkan ke 37 pusat pemindahan di daerah terbabit sehingga pukul 4 petang semalam.

Dalam pada itu, Jabatan Pengairan dan Saliran Melaka akan memantau paras air Sungai Melaka bagi memberi amaran sekiranya ia melebihi tahap berbahaya.

Sementara itu di Tampin, hujan lebat sejak tiga hari lalu telah memaksa 575 penduduk di kawasan Gemas dipindahkan ke pusat pemindahan sejak awal pagi semalam.

Jalan utama dari Tampin ke Gemas terpaksa ditutup apabila jambatan yang meng-

hubungkan laluan berkenaan di Sungai Kelamah didapati retak sehingga memaksa aktiviti di pekan itu lumpuh.

Keadaan dijangka bertambah buruk apabila paras air di Empangan Gemenchek meningkat sehingga melepasi tahap bahaya.

Ujarnya lagi, empat jalan utama iaitu Gemas - Batang, Melaka, Londah - Kampung Ladang, Ayer Kuning - Sungai Kelamah dan Kampung Ladang - Gemas terpaksa ditutup manakala Jalan Sungai Dua hanya dibuka kepada kenderaan berat.

Sementara itu di Rompin, Pahang, kira-kira 7,000 penduduk di Felda Selancar di sini terputus hubungan apabila jambatan utama Sungai Pekin sepanjang 10 meter yang menghubungkan penempatan mereka dengan jalan utama, runtuh awal pagi semalam.

Lebih memburukkan keadaan, paip air utama dan kabel elektrik serta telefon yang merentangi sungai itu turut rosak dipukul arus deras berikutan hujan lebat tanpa henti sejak Ahad lalu.